



*Skuad
Bomba
Pondok
dilancar*

Bersama cegah kebakaran



● Pertama di dunia ● Bantuan awal menyelamatkan mangsa ● Bakal diperluas ke seluruh negara

muka2



*Kabin khas untuk
kegunaan KRT* muka 3



*600 peserta Azam
Bandar disasar
capai KPI* muka 4



*Program Rakan
Taman serlahkan
keindahan Pulau
Langkawi* muka 6



SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

YBhg. Datuk Haji Mohammad Mentek

Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

KETUA EDITOR

Norhayati Abd. Manaf

Ketua Unit Komunikasi Korporat

PENOLONG KETUA EDITOR

Rosyila Abdul Latif

Pegawai Perhubungan Awam

Siti Mariani Ayob

Pegawai Perhubungan Awam

Nadhilah Shariffuddin

Penolong Pegawai Perhubungan Awam

SIDANG PENGARANG

- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
- Jabatan Perumahan Negara
- Jabatan Kerajaan Tempatan
- Jabatan Landskap Negara
- Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
- Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)
- Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata
- Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- Bahagian Undang-undang
- Bahagian Dasar dan Inspektorat
- Bahagian Kewangan dan Perolehan
- Bahagian Akaun
- Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek
- Bahagian Khidmat Pengurusan
- Bahagian Keurusetiaan Strategik dan Hubungan Antarabangsa
- Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai
- Bahagian Kesejahteraan Bandar
- Bahagian Perkhidmatan Perbandaran
- Bahagian Sumber Manusia
- Bahagian Teknologi Maklumat
- Unit Audit Dalam
- Unit KPI
- Unit Integriti

PENERBIT

Unit Komunikasi Korporat

Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi memeriksa kawalan kehormatan JBPM sambil diiringi Tan Sri Noh Omar.



Bantuan awal menyelamatkan mangsa, kawal kebakaran

Pelancaran Skuad Bomba Pondok pertama di dunia

TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi melancarkan penubuhan Skuad Bomba Pondok (Zon Utara) di Sekolah Menengah Agama Irshadiah Addiniah di Bagan Datuk, Perak baru-baru ini.

Skuad berkenaan ditubuhkan atas inisiatif Yayasan Pembangunan Pondok Malaysia serta mendapat kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

Majlis pelancaran tersebut juga mencatatkan sejarah kerana skuad yang baru ditubuhkan itu merupakan yang pertama di dunia dari segi penyertaan institusi pendidikan pondok dalam usaha mengawal kebakaran.

Yang turut hadir dalam majlis berkenaan ialah Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar; Ketua Pengarah JBPM, Datuk Wan Mohd. Nor Wan Ibrahim dan Pengerusi Eksekutif Yayasan Pembangunan Pondok Malaysia, Datuk Dr. Mashitah Ibrahim.

Timbalan Perdana Menteri dalam ucapannya berkata, idea untuk mewujudkan Skuad Bomba Pondok timbul ekoran daripada beberapa insiden kebakaran di sekolah pondok di mana sebahagiannya mengakibatkan kematian para pelajar.

Menurut Ahmad Zahid, insiden kebakaran sekolah pondok pada tahun 1989 di Sekolah Agama Rakyat Taufiqiah Khairiah Al-Halimah Kampung Padang Lumat, Sik, Kedah yang mengorbankan nyawa 27 pelajar merupakan antara peristiwa yang menyayat hati.

Sehubungan itu, beliau memberitahu, Skuad Bomba Pondok akan berfungsi memberi bantuan awal dari segi menyelamatkan dan mengawal kebakaran di sekolah pondok sebelum pasukan serta jentera bomba tiba di lokasi kejadian.

"Kajian terhadap 752 buah sekolah pondok mendapati aspek keselamatan kebakarannya masih rendah.



Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi memakaikan jaket keselamatan Skuad Bomba Pondok Yayasan Pembangunan Pondok Malaysia kepada Ketua Skuad Bomba Sekolah Menengah Agama Irshadiah Addiniah, Aiman Rasyiddin ketika merasmikan pelancaran penubuhan Skuad Bomba Pondok (Zon Utara) baru-baru ini. Turut kelihatan, Tan Sri Noh Omar (dua dari kiri); Datuk Wan Mohd. Nor Wan Ibrahim (paling kanan) dan Datuk Dr. Mashitah Ibrahim (dua dari kanan).

"Kajian itu mendapati 28 peratus sekolah pondok tidak dipasang dengan sistem keselamatan kebakaran, 56.3 peratus tidak pernah mengadakan taklimat keselamatan kebakaran, 63.5 peratus tidak pernah mengadakan latihan kebakaran manakala lima peratus mendakwa pihak bomba tidak memberikan kerjasama untuk pemeriksaan," katanya.

Ahmad Zahid menambah, pelaksanaan Skuad Bomba Pondok juga akan diperluaskan ke seluruh negara.

Sementara itu, Noh ketika berucap dalam majlis sama berkata, peranan Skuad Bomba Pondok adalah penting bagi membolehkan tindakan pantas di-

ambil memandangkan sekolah pondok merupakan antara bangunan yang terdedah kepada risiko kebakaran.

Menurut beliau, terdapat bangunan sekolah pondok yang dibina hasil derma sumbangan orang ramai mengakibatkan pembinaannya dibuat secara ala kadar dan tidak mengikut peraturan di bawah Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.

"Skuad Bomba Pondok ini ditubuhkan atas sebab-sebab keselamatan di sekolah-sekolah pondok dan program ini tidak akan berjaya jika tidak mendapat kerjasama daripada pengurusan sekolah pondok," katanya.

KPKT prihatin keperluan masyarakat

Kabin khas untuk kegunaan KRT

KEMENTERIAN Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan menyediakan sebuah kabin khas untuk kegunaan setiap Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di seluruh negara.

Menterinya, Tan Sri Noh Omar berkata, kabin tersebut akan digunakan oleh KRT untuk menjalankan pelbagai aktiviti termasuk kawalan keselamatan.

"Justeru, atas dasar keprihatinan, kementerian akan menyediakan sebuah kabin bagi setiap KRT," katanya selepas merasmikan Perhimpunan Perdana KRT Negeri Selangor 2017 di Banting, Selangor baru-baru ini.

Beliau menambah, pihaknya juga mengambil maklum tentang aduan yang dikemukakan beberapa KRT mengenai tindakan penguatkuasaan yang diambil oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) terhadap kabin yang didirikan.

Sehubungan itu, Noh berharap semua PBT memahami bahawa struktur tersebut dibina bagi memudahkan KRT menjalankan aktiviti kemasyarakatan.

Terdahulu, beliau yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Selangor bertemu dengan kira-kira 2,000 ketua KRT di Selangor.

Dalam sesi dialog yang berlangsung selama sejam, Noh turut menjawab pelbagai soalan dan permasalahan yang dikemukakan termasuk berkaitan lampu jalan, wabak denggi dan kesesakan lalu lintas.

Sementara itu, Noh berkata, setiap KRT perlu memperbaiki hala tuju kepimpinan masing-masing bermula di peringkat akar umbi agar badan tersebut berupaya memainkan peranan



Kabin yang digunakan KRT untuk menyelaraskan aktiviti kemasyarakatan. - Gambar hiasan.



Tan Sri Noh Omar meraikan pemimpin masyarakat Orang Asli yang menghadiri Perhimpunan Perdana KRT Negeri Selangor 2017.

dalam membantu mengekalkan keharmonian dan perpaduan negara.

"KRT sebenarnya memainkan peranan penting dalam menyampaikan sesuatu maklumat contohnya berkaitan penyebaran fitnah dan sentimen agama yang sering dimainkan pihak tertentu akhir-akhir ini," jelasnya.

Beliau turut menyarankan kepada kepimpinan KRT untuk membantu kerajaan memberi penerangan dalam setengah isu terutamanya yang berkaitan perpaduan dan keharmonian masyarakat.



Sebahagian daripada pemimpin-pemimpin KRT dari sekitar Selangor yang hadir.



Sesi dialog bersama Tan Sri Noh Omar berlangsung dalam suasana santai pada Perhimpunan Perdana KRT Negeri Selangor 2017 di Banting, Selangor baru-baru ini.

600 peserta Azam Bandar disasar capai KPI

KEMENTERIAN Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyasarkan lebih 600 peserta program Azam Bandar di seluruh negara akan mencapai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan tahun ini sekali gus memastikan mereka keluar dari kepompong kemiskinan.

Setiausaha Bahagian Kesejahteraan Bandar KPKT, Datuk Hafidzah Hassan berkata, bagi mencapai matlamat tersebut, pihaknya melantik sebuah

pertubuhan bukan kerajaan (NGO) iaitu Pertubuhan Kebajikan Mahabbah Malaysia (Mahabbah) bagi membuat banciaan, memantau dan melatih sejumlah 850 peserta terpilih dalam tempoh enam bulan.

Beliau juga berharap agar pencapaian cemerlang peserta program Azam Bandar di bawah seliaan Mahabbah tahun lalu yang berjaya mengatasi sasaran KPI sebanyak 183 peratus dapat diteruskan tahun ini.

"Melalui program ini, setiap peserta

perlu menjalani kursus selama tujuh hari bagi menerima geran perniagaan tidak lebih RM10,000.

"Mereka juga akan dipantau dan dilatih Mahabbah dalam tempoh enam bulan sehingga perniagaan diusahakan mampu menjana pendapatan sekurang-kurangnya RM300 sebulan," katanya dalam majlis perasmian Program Azam (Akhir Zaman Miskin) Bandar Projek Harapan (Zon Utara) di Bukit Merah Laketown Resort, Perak baru-baru ini.

Perasmian majlis berkenaan disem-

purnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Kedah, Datuk Badrol Hisham Hashim dan turut dihadiri Pengerusi Mahabbah Malaysia, Azzah Muyassarrah.

Hafidzah menambah, jumlah peruntukan diluluskan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (JPM) kepada KPKT bagi pelaksanaan program tersebut adalah sebanyak RM10 juta.

"Peruntukan geran bagi peserta baharu program Azam Bandar tahun 2017 adalah sebanyak RM8.5 juta dengan lebi-



Datuk Hafidzah Hassan (tengah) bersama 120 peserta Azam Bandar dalam majlis perasmian Program Azam (Akhir Zaman Miskin) Bandar Projek Harapan (Zon Utara) di Bukit Merah Laketown Resort, Perak baru-baru ini.

Peserta program Azam Bandar terus melakar kejayaan



Datuk Hafidzah Hassan (duduk, tiga dari kiri) dan Kahadi Hassan (duduk, dua dari kanan) bersama peserta-peserta Azam Bandar pada Majlis Perasmian Program Azam Bandar 2017 Zon Timur di Sweet Beach Resort di Tok Bali, Pasir Puteh, Kelantan baru-baru ini.

PROGRAM Azam Bandar yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sejak 2013 bukan sahaja membantu para pesertanya keluar daripada kepompong kemiskinan, malah turut menyumbang kepada kejayaan mereka dalam perniagaan masing-masing.

Lebih membanggakan, sebahagian peserta program tersebut berjaya mengetengahkan produk mereka sehingga ke peringkat antarabangsa selain memperolehi pendapatan bulanan lebih daripada RM10,000.

Setiausaha Bahagian Kesejahteraan Bandar KPKT, Datuk Hafidzah Hassan berkata, perkembangan tersebut cukup membanggakan selari dengan hasrat pihaknya untuk membantu golongan yang memerlukan.

Pada masa sama, katanya, peranan yang ditunjukkan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) khususnya Pertubuhan Kebajikan Mahabbah Malaysia (Mahabbah) yang terlibat dalam program ber-

han RM1.5 juta diperuntukkan bagi program Azam Beyond," jelasnya.

Dalam pada itu, Badrol Hisham berterima kasih kepada KPKT kerana memberi peluang kepada peserta E-Kasih di kawasan bandar untuk keluar dari kepompong kemiskinan.

"Berikutan itu, kesemua 120 peserta dari negeri Perak dan Kedah pada kursus kali ini diharapkan dapat mengambil peluang keemasan ini sebaik-baiknya untuk mengubah nasib mereka dengan bersungguh-sungguh," katanya.



kenaan banyak membantu kejayaan para peserta.

"Kita dapat lihat contoh, bagaimana seorang pekerja di kedai kek dengan hanya pendapatan sekitar RM400, kini mampu membuka kedai sendiri dengan pendapatan lebih RM10,000 selepas menyertai program Azam Bandar," katanya ketika ditemui selepas Majlis Perasmian Program Azam Bandar 2017 Zon Timur di Sweet Beach Resort di Tok Bali, Pasir Puteh, Kelantan baru-baru ini.

Perasmian majlis tersebut disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) Kelantan, Kahadi Hassan serta turut dihadiri Pengerusi Mahabbah, Azzah Muyassarrah.

Sebanyak 120 peserta dari sekitar Kelantan dan Pahang menyertai program tersebut yang diadakan selama seminggu.

Tambah Hafidzah, sejak tahun 2013, sebanyak 8,601 peserta di seluruh negara telah menyertai program Azam Bandar.



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Tan Sri Noh Haji Omar

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

#TanyaMenteriKPKT #Parlimen2017

1 Adakah terdapat perancangan untuk mendirikan balai bomba dan penyelamat di Bakri, Johor berikutan pelaksanaan hab perabot di kawasan tersebut tahun ini?

Sudah tentulah dalam satu-satu perancangan kalau dilihat bahawa yang melibatkan kawasan-kawasan berisiko tinggi, misalnya kilang perabot, kalau berlaku kebakaran tentu akan melibatkan risiko. Yang ini saya sudah tentu menjadikannya satu kriteria, keutamaan bagi KPKT untuk mewujudkan pasukan bomba ini.

MENTERI JAWAB

Dalam Bajet 2016 yang lepas, kita mendapat kelulusan pembinaan 14 balai bomba yang baharu. Untuk 2017, kita hanya mendapat tambahan dua balai bomba, jadi kerana itu, kita harap dalam 2018, senarai balai-balai bomba yang kita cadangkan ini akan dapat diberikan keutamaan termasuk di Bakri.

■ Sidang Dewan Rakyat,
23 Mac 2017

2 Bilakah tarikh penutupan tapak pelupusan sampah Bakri di Muar?

Tapak pelupusan Bukit Bakri tidak boleh ditutup dalam masa terdekat kerana ketiadaan tapak alternatif yang berhampiran dengan tapak sedia ada.

Bagi mengatasi masalah ini, kementerian sedang dalam proses memohon peruntukan Rolling Plan Ketiga bagi membina sebuah stesen pemindahan di Muar, Johor. Sekiranya permohonan kementerian ini diluluskan kelak, projek pembinaan stesen pemindahan Muar dijangka akan mula dibina pada tahun 2018 dan beroperasi sepenuhnya pada bulan September 2021.

Sisa pepejal yang diterima dari stesen pemindahan Muar ini akan dihantar ke Muar nanti kalau siap yang baharu. Dari Muar kita akan hantar ke tapak pelupusan sanitari Bukit Payung, Batu Pahat yang kini dalam proses prapembinaan.

Walau bagaimanapun, sekiranya perlu, sisa pepejal dari stesen pemindahan Muar akan dihantar ke tapak pelupusan sanitari Seelong, Kulai. Kementerian akan mula melaksanakan projek menutup selamat tapak pelupusan Bukit Bakri sebaik sahaja stesen pemindahan Muar mula beroperasi.


■ Sidang Dewan Rakyat,
23 Mac 2017

3 Adakah KPKT sedang atau pun telah menilai semula dan mungkin hendak mengambil balik insinerator di Pangkor?


Apabila kita tengok bahawa pengurusan tidak memuaskan, maka kita tamatkan dan buka kepada tender yang baharu, lantik pengurusan yang baharu.

Sekarang ini dalam proses tawaran, kita telah memberikannya kepada sebuah syarikat yang baharu dan kini dalam proses untuk mengambil alih urusan insinerator ini.

■ Sidang Dewan Rakyat,
23 Mac 2017



Kerja-kerja menjaga kebersihan pantai merupakan amalan yang diterapkan dalam Program Rakan Taman di Pantai Legenda Kuah, Pulau Langkawi.



Keadaan persekitaran di Taman Padang Mat Sirat, Pulau Langkawi semakin indah hasil pelaksanaan program Rakan Taman.

Program Rakan Taman yang diadakan di Taman Berlian, Pulau Langkawi, Kedah baru-baru ini.



Kebun Kejiranan atau Komuniti yang diadakan di Taman Berlian, Pulau Langkawi.

Program Rakan Taman serlahkan keindahan Pulau Langkawi

KEPELBAGAIAN konsep taman dan keindahan landskap amat dititik-beratkan kerajaan dalam memastikan kelangsungan industri pelancongan di Pulau Langkawi, Kedah.

Sehubungan itu, program Rakan Taman serta pembangunan landskap dilaksanakan secara berterusan di Pulau Langkawi menerusi pelbagai usaha yang diambil bagi memastikan pulau tersebut terus menjadi pilihan pelancong.

Rakan Taman adalah program kesukarelaan yang menggalakkan komuniti setempat melakukan kerja-kerja menjaga dan memelihara kawasan lapang serta landskap dalam kawasan kejiranan mereka.

Selain itu, program ini juga mendedahkan amalan hidup sihat serta mengeratkan hubungan silaturrahim antara masyarakat setempat.

Kerajaan menerusi Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) amat menggalakkan penubuhan Rakan Taman di kawasan perumahan yang mempunyai taman kejiranan, padang dan taman awam.

Sehingga kini, sebanyak 228 Rakan Taman telah ditubuhkan di seluruh negara sejak program itu dilancarkan sempena sambutan Hari Landskap Negara di Taman Mergong Jaya, Alor Setar, Kedah pada 3 Mac 2013.

Daripada jumlah itu, sebanyak 38 Rakan Taman melaksanakan aktiviti kebun

» *Rakan Taman adalah program kesukarelaan yang menggalakkan komuniti setempat melakukan kerja-kerja menjaga dan memelihara kawasan lapang serta landskap dalam kawasan kejiranan mereka.*

komuniti.

Kebun Komuniti adalah aktiviti penanaman bahan makanan seperti sayur-sayuran, herba dan buah-buahan oleh komuniti setempat dalam kawasan lapang yang dibenarkan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT).

Pengeluaran makanan oleh komuniti ini bertujuan menjimatkan perbelanjaan kos dapur, mengeluarkan bahan makanan yang dijamin selamat dan bersih di samping berupaya menambah pendapatan para peserta.



SELAMAT HARI GURU

"GURU PEMBINA NEGARA BANGSA" 16 MEI 2017

TAN SRI NOH HAJI OMAR

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
Pengerusi Barisan Nasional Selangor.
Ahli Parlimen Tanjung Karang.
Pengerusi MPTNG.






BICARA MENTERI

Melakar aspirasi TN50 penduduk bandar

TARIKH 6 Mei lalu mencatatkan sejarah untuk Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) apabila YAB Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi melancarkan Skuad Bomba Pondok pertama di dunia.

Beliau yang juga alumni Sekolah Menengah Agama Irshadiah Addiniah di Bagan Datuk, Perak itu turut merakamkan ucapan tahniah serta syabas atas tahap kesedaran yang tinggi di sekolah tersebut untuk mencegah insiden kebakaran yang sering berlaku dan menyebabkan kematian.

Pada minggu lepas juga, saya turut diberi peluang bertemu dengan satu lagi 'hero' masyarakat yang tidak jemu berbakti dalam menjaga kesejahteraan rakyat iaitu komuniti Rukun Tetangga Negeri Selangor dalam sesi 'townhall' di Banting.

Dalam sesi tersebut, saya sempat berkongsi sedikit tentang aspirasi Transformasi Nasional 2050 atau lebih dikenali dengan TN50 yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak pada 19 Januari tahun ini.

» Masih jauh lagi perjalanan Malaysia ke arah 2050 tetapi saya yakin aspirasi TN50 ini akan dapat dilaksanakan secara efisien dengan input oleh anak-anak muda yang bakal memimpin Malaysia.

Mungkin ramai yang belum begitu memahami konsep TN50 yang menggunakan pendekatan 'bottom to top' bagi mendapatkan pengisiannya dalam membentuk Negara Malaysia pada tahun 2050.

Seperti Kementerian lain, KPKT juga sedang merancang beberapa siri 'townhall' TN50 bagi mendapatkan maklum balas rakyat tentang apa yang mereka mahu pada tahun 2050.

Berbeza dengan Wawasan 2020, kerajaan ingin tahu apa yang rakyat mahu dan bagi KPKT sendiri, kami ingin mendapatkan aspirasi rakyat tentang aspek kesejahteraan yang

dirasakan perlu ada pada tahun 2050.

Portfolio KPKT merangkumi pelbagai aspek kesejahteraan hidup rakyat dan maklum balas tentang aspek kesejahteraan rakyat insya Allah akan dapat membantu kami merangka dasar-dasar yang akan menepati apa yang rakyat bandar perlukan pada tahun 2050.

Maka saya berharap, anak-anak muda bandar sudi meluangkan masa bersama kami pada sesi-sesi 'townhall' yang akan diadakan kelak.

Di peringkat antarabangsa juga, KPKT turut bekerja bersama komuniti perbandaran yang lain bagi melipatgandakan lagi usaha meningkatkan kesejahteraan rakyat bandar. YB Timbalan Menteri saya, Datuk Halimah Mohamed Sadique kini sedang berada di Kenya bagi mewakili Malaysia di persidangan United Nations Governing Council yang ke-26.

Persidangan yang dianjurkan oleh UN-Habitat ini adalah juga sebahagian daripada program berterusan sempena World Urban Forum Ke-09 (WUF9) yang bakal berlangsung di Kuala Lumpur pada tahun 2018.

WUF9 yang membawa tema 'Opportunities for the effective implementation of the New Urban

Agenda' ini pasti akan membawa cetusan idea baharu dan efisien dalam menangani pelbagai isu penempatan di kawasan bandar.

Bersesuaian dengan sesi 'townhall' TN50 yang bakal diadakan kelak, maklum balas rakyat akan turut menyumbangkan input kepada KPKT dan juga WUF9.

TN50 adalah merupakan salah satu platform yang digunakan oleh Kementerian ini dalam merangka dasar-dasar menaik taraf lagi kesejahteraan rakyat di bandar pada masa hadapan dan saya amat teruja untuk bertemu dengan anak-anak muda di bandar dalam masa yang terdekat ini.

Masih jauh lagi perjalanan Malaysia ke arah 2050 tetapi saya yakin aspirasi TN50 ini akan dapat dilaksanakan secara efisien dengan input oleh anak-anak muda yang bakal memimpin Malaysia.


Insha Allah, saya akan terus memberikan khidmat yang terbaik untuk rakyat di bandar selagi saya diberi kepercayaan untuk menerajui Kementerian ini. Jumpa anda semua pada sesi TN50 akan datang.

TAN SRI NOH OMAR

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

SENYUM SIKIT

Oleh MARO





Ekspresi Negaraku

Anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Sabah bergambar bersama Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak dan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman dalam Program Ekspresi Negaraku di Sandakan, Sabah pada 7 Mei lalu.



Cabaran Annapurna

Peserta-peserta Cabaran Annapurna 2017 Media bersama JBPM yang berjaya menawan Kem Pangkalan Annapurna (ABC) di Nepal pada 1 Mei lalu. Ketibaan para peserta di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada 5 Mei lalu disambut oleh Setiausaha Akhbar Perdana Menteri, Datuk Akmar Hisham Mokhles.



Ucapan ketua delegasi

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah Mohamed Sadique yang mengetuai delegasi Malaysia berucap dalam Sesi Ucapan Ketua-ketua Delegasi pada Persidangan Majlis Pentadbir Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) - Habitat Kali Ke-26 di Nairobi, Kenya pada 8 Mei lalu.



Hari Belia

Tan Sri Noh Omar bersama para belia dari sekitar Selangor selepas merasmikan Sambutan Hari Belia Negara Peringkat Negeri Selangor 2017 di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Medan, Petaling Jaya, Selangor pada 5 Mei lalu.



Rakam kenangan

Datuk Halimah Mohamed Sadique bergambar dengan 58 peserta yang menghadiri Persidangan Majlis Pentadbir PBB - Habitat Kali Ke-26 di Nairobi, Kenya pada 8 Mei lalu.



Kaukus Wanita

Ketua Pegawai Eksekutif Urbanice Malaysia, Norliza Hashim dalam Kaukus Wanita sempena Persidangan Majlis Pentadbir Habitat - PBB Kali Ke-26 di Nairobi, Kenya pada 9 Mei lalu.



Makan malam beradab

Mess Nite 2017 JBPM di Hotel Grand Bluewave, Shah Alam, Selangor pada 5 Mei lalu diserikan dengan kehadiran Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar.



Bomba cilik

Perbarisan sempena Sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia 2017 di Ipoh, Perak pada 4 Mei lalu turut disertai sekumpulan kanak-kanak yang mengenakan pakaian seragam bomba.



Penerangan

Pelajar-pelajar sekolah pondok diberi penerangan oleh pegawai Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) tentang aspek keselamatan kebakaran.

Benih disemai, hasil dituai

Amalan bumi hijau di PPR Seri Semarak

KEDIAMAN yang berlatarkan hutan batu bukan penghalang bagi penduduk Program Perumahan Rakyat (PPR) Seri Semarak di Setapak, Kuala Lumpur untuk bercucuk tanam.

Sebahagian penduduk di kawasan perumahan berkenaan mula bergiat dalam kegiatan pertanian selepas menerima kit hijau yang disumbangkan kerajaan pada 2016.

Sejak itu, mereka telah beberapa kali menuai hasil tanaman yang diusahakan seperti lada, pegaga, kangkung, kailan, salad, bayam, taugheh dan pokok-pokok hiasan.

Pengerusi Persatuan Penduduk PPR Seri Semarak, Mohd. Hafizrullah Nakibullah berkata, kegiatan pertanian turut menyuburkan semangat muhibbah dalam kalangan penduduk.

"Siapa yang menanam, dialah yang menuai hasilnya. Akhirnya, hasil yang diperolehi menerusi kegiatan pertanian diagih-diagihkan kepada masyarakat setempat.

"Inilah yang dikatakan kenikmatan dikongsi dan dirasakan bersama," katanya.

Beliau turut mewakili suara penduduk PPR Seri Semarak ketika menyatakan penghargaan atas inisiatif kerajaan melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyediakan kediaman dengan persekitaran yang selesa serta dilengkapi pelbagai kemudahan yang berupaya menyemai budaya perpaduan.

Mohd. Hafizrullah memberitahu, kejayaan itu terbukti melalui kesediaan penduduk menjayakan beberapa program yang dirangka khusus untuk mereka.

"Inilah manfaat diterima atas usaha kerajaan membangunkan perumahan ini. Ia bukan sahaja selesa didiami malah pelbagai kemudahan asas yang disediakan menjadi elemen penting sebagai

medan yang merapatkan hubungan mereka.

"Bayangkan kalau kawasan perumahan ini didiami penghuni yang mempunyai jiwa kosong, hati hitam, buruk sangka, saling membenci menyebabkan integrasi nasional tidak dapat dibina. Ini sama sekali tidak bererti," jelasnya.

Beliau menambah, golongan muda di PPR Seri Semarak juga berpeluang merapatkan hubungan sesama mereka melalui aktiviti riadah seperti bola sepak dan futsal.

INFO PPR SERI SEMARAK

Terletak di
**Setapak,
Kuala
Lumpur**

1999
dibangunkan

2003
didiami

1,580
unit

5 blok **17** tingkat

8,000
penduduk

Kemudahan awam: **Surau, gelanggang futsal, taman permainan, padang bola sepak**

Keluasan
20.85
ekar

Gelanggang futsal dan padang bola sepak menjadi platform merapatkan hubungan sesama penduduk khususnya golongan muda.



Zairina Dul menyiram tanaman yang diusahakannya bersama penduduk-penduduk lain di PPR Seri Semarak, Setapak, Kuala Lumpur.

Masjid di PPR Seri Semarak menjadi lokasi utama umat Islam untuk beribadah dan melakukan kegiatan keagamaan.



APA KATA PENDUDUK?



"WALAUPUN saya tinggal tujuh orang sekeluarga namun ia tetap memberi keselesaan kepada kami. Bagi saya, keselesaan itu dapat dirasakan sekiranya kita memberi penekanan terhadap elemen kebahagiaan dalam berumah tangga."



MAHANI ABU BAKAR
Penduduk

"BANYAK manfaat diterima warga kota yang menghuni PPR seiring dengan visi kerajaan iaitu mensejahterakan kehidupan masyarakat selain memastikan kualiti hidup dapat dicapai."



MARC ANTONY
Penduduk

"KEISTIMEWAAN PPR Seri Semarak adalah ia bukan sahaja dekat dengan ibu negara malah dengan kawasan-kawasan tumpuan orang ramai yang lain. Saya fikir ia lokasi sesuai untuk didiami semua lapisan masyarakat."



ZAIRINA DUL
Penduduk

"SAYA dibesarkan di perumahan ini. Banyak kenangan pahit dan manis mengiringi kehidupan. Justeru bagi saya, menetap di PPR Seri Semarak merupakan peluang berharga kerana dapat menikmati pelbagai kemudahan yang lengkap untuk semua."



M. JEGATISWARAN
Penduduk

Azam Bandar bantu peserta jana pendapatan

NASIB Rohana yang juga seorang ibu tunggal dengan empat anak berubah sejak menyertai program Akhiri Zaman Miskin (Azam) Bandar: Projek Harapan tahun lalu.

Pendapatannya melonjak kepada lebih RM3,000 sebulan selepas dipilih Pertubuhan Kebajikan Mahabbah Malaysia (Mahabbah) untuk menyertai program tersebut.

Sebelum itu, dia hanya beroleh kira-kira RM800 sebulan melalui perniagaan spa danurut tradisional yang diusahakannya sejak dua tahun lalu.

"Sebelum ini, saya bimbang apabila memikirkan tidak ramai pelanggan yang menggunakan perkhidmatan spa yang saya sediakan.

"Namun, segalanya berubah setelah saya mendapat nasihat dan ilmu daripada Mahabbah. Kini saya boleh tersenyum kerana perniagaan saya menerima kunjungan pelanggan setiap hari," katanya.



Nama:
Rohana Harun
Umur: 45 tahun
Asal: Kelantan
Perniagaan:
Spa & urut tradisional

» *Saya kini mampu membeli kereta sendiri, tanah dan rumah hasil daripada kedai jahit yang diusahakan itu. Program Azam Bandar ini banyak membantu mengubah kehidupan saya.*

SIAPA sangka dalam sekelip mata nasib Rohana yang sebelum ini hidup dalam keadaan serba kekurangan mula berubah selepas menyertai program Azam Bandar tiga tahun lalu.

Rohana yang kini membuka kedai jahitan mampu berbangga apabila dalam tempoh tersebut dia mampu menjana pendapatan lebih RM10,000 sebulan selain 'tidak menang tangan' melayan tempahan yang terus meningkat.

Sebelum ini, ibu kepada empat orang anak itu hanya sekadar 'cukup makan' dengan memperolehi pendapatan bulanan sekitar RM300 sahaja.

"Saya kini mampu membeli kereta sendiri, tanah dan rumah hasil daripada kedai jahit yang diusahakan itu. Program Azam Bandar ini banyak membantu mengubah kehidupan saya.

"Hari ini, saya bukan sahaja mampu menjana pendapatan yang agak selesa tetapi turut membuka kelas jahitan bagi membantu orang lain," katanya.



Nama:
Rohana Mohd. Yasim
Umur: 37 tahun
Asal: Pengkalan Chepa, Kelantan
Perniagaan:
Jahitan

» *Alhamdulillah, hasil bantuan, tunjuk ajar dan bimbingan selepas menyertai program Azam Bandar, rasa gentar itu mula hilang.*

SEBELUM menyertai program Azam Bandar, Zuki Zakaria, 45, merupakan seorang pekerja di sebuah kedai kek dengan pendapatan bulanan sekitar RM400.

Nasibnya mula berubah sejak menyertai program tersebut pada tahun 2014 dan kini, dia berjaya membuka kedai kek sendiri selain mampu menjana pendapatan melebihi RM10,000 sebulan.

Malah, kejayaan Zuki itu juga dikongsi dengan orang lain apabila dia mampu menggajikan dua orang pekerja bagi membantunya memenuhi permintaan tinggi daripada para pelanggan terhadap kek yang dijualnya itu.

"Pada mulanya, saya tidak mempunyai keyakinan untuk menceburi bidang perniagaan. Alhamdulillah, hasil bantuan, tunjuk ajar dan bimbingan selepas menyertai program Azam Bandar, rasa gentar itu mula hilang.

"Hari ini, saya sudah mempunyai sebuah perniagaan sendiri dan insya Allah akan terus mengembangkan perniagaan pada masa depan. Terima kasih kerajaan kerana mengambil inisiatif melaksanakan program ini," katanya.



Nama:
Zuki Zakaria
Umur: 42 tahun
Asal: Kota Bharu, Kelantan
Perniagaan:
Kedai kek

HARUN merancang untuk membuka warung bubur lambuk kerabu yang kedua sebaik sahaja dia menerima geran pembiayaan melalui program Azam Bandar: Projek Harapan tahun ini.

Dia juga bersyukur kerana terpilih untuk mengikuti program yang disifatkannya amat berkualiti itu.

Malah, Harun yakin program berkenaan akan menjadikannya perniagaannya lebih maju dan berkembang pesat.

"Program ini bukan sekadar memberi bantuan kepada peniaga miskin, malah ia memberi penumpuan bagi meningkatkan pengupayaan peserta supaya mereka bersedia sepenuhnya untuk menghadapi cabaran dalam perniagaan yang diceburi.

"Saya yakin program ini berupaya memberi impak positif kepada golongan miskin bandar dan berharap ia diteruskan pada masa hadapan bagi memastikan lebih ramai masyarakat miskin bandar terkeluar dari kepompong kemiskinan," katanya.



Nama:
Harun Osman
Umur: 58 tahun
Asal: Perak
Perniagaan:
Warung bubur lambuk kerabu

Saluran Aduan KPKT



Aduan dalam talian melalui laman web KPKT:
www.kpkt.gov.my

Laman web Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar:
www.nohomar.my

E-mel Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar:
aduanmenteri@kpkt.gov.my

Talian aduan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal (SWCorp): **03-83124040**

Aduan PBT menerusi aplikasi telefon pintar iKepoh:
<http://ikepoh.kpkt.gov.my/>

Facebook **KPKT MALAYSIA**

Instagram **KPKT**

Twitter **@kpkt_gov**

YouTube **KPKT Malaysia**

Portal Talian Indahkan Malaysia (aduan kutipan sampah):
<http://www.aduansisa.my/>

Talian Aduan Kutipan Sampah dan Pembersihan Awam:
1-800-88-7472



Kerja-kerja menurap semula Jalan Jasmine 2 oleh kontraktor.



Lubang di Jalan Jasmine 2 selesai dibaiki dan diturap semula pada 5 Mei 2017.



◀ Aduan yang dikemukakan Asnankadir dalam laman Twitter Tan Sri Noh Omar.

Pejabat Timbalan Perdana Menteri turut memberi perhatian terhadap aduan kerosakan Jalan Jasmine.



Jalan Jasmine 2 diturap semula

MERUJUK kepada aduan daripada pengguna Twitter, @Asnankadir kepada akaun Twitter rasmi Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar mengenai

kerosakan jalan di Jalan Jasmine 2, Bandar Bukit Beruntung, Rawang, Selangor pada 4 Mei lalu.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menerima aduan tersebut yang turut mendapat perhatian daripada Pejabat Timbalan Perdana Menteri.

Sehubungan itu, pegawai di Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) dan Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) telah mengambil tindakan berdasarkan aduan yang dilaporkan menerusi aplikasi telefon pintar iKepoh.

Hasilnya, jalan yang berlubang tersebut telah dibaiki dan selesai diturap semula pada 5 Mei 2017.

ALBUM
BULETIN
BANDAR



Pasar Kampung Berjaya, Alor Setar, Kedah.



Pasar Tani, Kuantan, Pahang.



Perhentian Teksi Larkin, Johor Bharu, Johor.



Pusat Beli-Belah Alpha Angle, Wangsa Maju, Kuala Lumpur.



Kuang, Selangor.



Lorong Kulit, Pulau Pinang.

TEKNOLOGI WASTE *to* ENERGY

**MENJANA ELEKTRIK DARIPADA
RAWATAN SISA PEPEJAL**

1 RIBU TAN

SISA PEPEJAL BOLEH HASILKAN

20 RIBU JAM



KILOWATT TENAGA ELEKTRIK

DIANGGARKAN BOLEH

MENERANGI

57,000

BUAH RUMAH



 www.kpkt.gov.my
 @kpkt_gov
 KPKT Malaysia
  KPKT Malaysia
  KPKT



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN



Transformasi
Nasional 2050

Transformasi
Nasional 2050
(TN50)

Telah dilancarkan oleh
Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak
YAB Perdana Menteri Malaysia
Pada 19 Januari 2017

2 AKTIVITI UTAMA TN50

SIRI DIALOG DAN TINJAUAN

Sesi Taklimat /Townhall

Bual Bicara TN50

Tinjauan Online

SIRI EKSPRESI

Aplikasi TN50

Foto Instagram

E-engagement ; dsb.



Para peserta bersedia untuk memulakan larian.

Sempena Hari Anggota Bomba Sedunia 2017

6,000 sertai Larian Bersama Bomba

SEBANYAK 6,000 warga kota daripada pelbagai peringkat umur menyertai acara Larian Bersama Bomba yang dianjurkan sempena sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia 2017 di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Larian yang bermula pukul 7.30 pagi itu melibatkan tiga kategori iaitu 10 kilometer (km), 7 km dan 2 km bagi VIP.

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan) Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Datuk Dr. Tam Weng Wah berkata, tujuan penganjuran program itu adalah untuk memperingati jasa dan pengorbanan anggota bomba

terhadap masyarakat.

"Program ini merupakan acara tahunan yang dilaksanakan bersempena dengan sambutan ini dan ia sebagai pendekatan untuk merapatkan hubungan bomba dengan masyarakat," katanya.

Pelepasan peserta larian tersebut disempurnakan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Datuk Amer Yusof.

Dalam pada itu, Weng Wah berka-



Larian Bersama Bomba yang berlangsung di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur baru-baru ini disertai oleh kira-kira 6,000 warga kota.



Datuk Dr. Tam Weng Wah

Malay-

berka-

ta, selain larian, aktiviti lain yang diadakan adalah pameran melibatkan pelbagai agensi kerajaan termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Kesihatan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

"Program ini mampu merapatkan lagi hubungan antara agensi kerajaan khususnya anggota bomba dengan masyarakat setempat selain menyediakan ruang pendidikan berhubung isu keselamatan ketika kebakaran atau bencana," jelasnya.



Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor diiringi Datuk Dr. Tam Weng Wah ketika menyempurnakan pelepasan peserta larian.

Tetap mantap tanpa Forkey Doe

FAKTOR ketiadaan penyerang import dari Liberia, Francis Forkey Doe yang ditahan polis baru-baru ini kerana disyaki terlibat dengan kes kereta mewah klon bukan alasan bagi pemain-pemain Selangor untuk memperlahankan momentum serangan mereka terhadap kubu lawan.

Jurulatih The Red Giants, P. Maniam berkata, sebagai pemain profesional, mereka bersama-sama memikul tanggungjawab dalam membentuk jentera serangan yang jitu.

"Kita bermain sebagai satu pasukan. Tiada pemain bintang apabila kesemua pemain sudah berada di padang dalam setiap perlawanan bola sepak.

"Tanpa Forkey Doe, kita masih ada pemain lain untuk menjadi pengembara yang setanding. Mungkin kita akan menggunakan khidmat Mohd. Afiq Azmi untuk menembusi kubu lawan," katanya.

Pada masa sama, beliau mengakui, Forkey Doe merupakan penyerang yang mempunyai kemahiran dan kredibiliti yang tinggi untuk mencipta jaringan serta membuka peluang kepada rakan sepasukan.

"Sebelum ini ada empat perlawanan yang Forkey Doe tidak bermain, namun kita mampu mencapai keputusan yang memuaskan. Apa yang penting kita bermain sebagai satu unit, bukan mengharapkan seorang dua pemain," katanya.

Untuk rekod, Forkey Doe telah menjaringkan lima gol untuk pasukan Selangor dalam beberapa perlawanan se-

panjang musim ini.

Sementara itu, Setiausaha Agung Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS), Rosman Mohd. Ibrahim berkata, penahanan Forkey Doe dianggap sesuatu yang mengejutkan.

Menurut beliau, pihaknya tidak mengetahui tentang kereta terbabit kerana kenderaan itu dibeli sendiri oleh Forkey Doe dan bukan dibekalkan oleh FAS.

"FAS akan mendapatkan maklumat mengenai status penahanan Forkey Doe dan terus mengikuti perkembangan siasatan. Kami juga sentiasa bersedia untuk bekerjasama dengan pihak berkuasa.

"Berhubung status Forkey Doe sebagai pemain pasukan Selangor, tindakan susulan akan diambil bergantung kepada hasil siasatan oleh polis terhadap kes ini," jelasnya.

Rosman menambah, FAS turut menegaskan bahawa tiada individu sama ada pemain import atau tempatan yang mengatasi undang-undang negara dan mereka semua harus mematuhi.

Sementara itu, kedudukan Selangor dalam Liga Super 2017 melonjak ke tangga keempat selepas beroleh satu mata dalam perlawanan menentang Sarawak di Stadium Negeri, Kuching pada 9 Mei lalu yang berakhir dengan keputusan seri 1-1.

Gol tunggal Sarawak dijaringkan oleh Mateo Roskam pada minit ke-34 manakala pemain pertahanan Selangor, Rizal Fahmi Ab. Rosid menyamakan kedudukan menerusi jaringan yang dilakukannya 10 minit kemudian.



Francis Forkey Doe (kanan) ketika beraksi dalam perlawanan Liga Super menentang PKNS FC di Stadium Malawati, Shah Alam, Selangor pada 4 Februari lalu.



KEDUDUKAN LIGA SUPER 2017

Pasukan	P	M	S	K	G	B	PG	MATA
JDT	12	8	3	1	28	11	17	27
Pahang	12	6	3	3	29	17	12	21
Kedah	12	5	6	1	24	18	6	21
SELANGOR	12	4	5	3	17	14	3	17
Perak	12	4	5	3	18	22	-4	17
Felda	12	3	5	4	13	15	-2	14
Kelantan	12	6	1	5	24	19	5	13
T-Team	12	5	4	3	19	18	1	13
PKNS	12	2	5	5	22	25	-3	11
Melaka	12	2	5	5	13	25	-12	11
Sarawak	12	2	4	6	12	18	-6	10
P. Pinang	12	1	2	9	8	25	-17	5

Setakat 11 Mei 2017



Tan Sri Noh Omar turun padang menyertai gotong royong bersama penduduk PPR Lembah Subang 1 yang antaranya bertujuan memusnahkan kawasan pembiakan nyamuk Aedes.

Inisiatif KPKT perangai denggi

Pasang perangkap nyamuk solar di PPR

KEMENTERIAN Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan memulakan proses pemasangan perangkap nyamuk solar secara berperingkat di setiap Program Perumahan Rakyat (PPR) dan perumahan kos rendah di seluruh negara pada hujung tahun ini.

Menterinya, Tan Sri Noh Omar berkata, langkah pemasangan alat itu bertujuan mencegah penularan wabak demam denggi yang kini dilihat semakin membimbangkan.

"Buat masa ini, sebagai percubaan kita telah memasang perangkap berkenaan di pangsapuri Mentari Court, Petaling Jaya minggu lalu dan hasilnya akan dapat dilihat dalam masa dua minggu lagi.

"Perangkap nyamuk solar ini telah melalui beberapa proses kajian dan mampu memerangkap nyamuk Aedes dalam satu jarak keluasan tertentu," katanya baru-baru ini.

Dalam pada itu, Noh menjelaskan, kos seunit bagi perangkap nyamuk solar itu adalah sekitar RM3,000 hingga RM5,000 sahaja.

"Ini adalah usaha proaktif bagi memastikan pencegahan wabak denggi secara lebih terkawal dan berterusan.

"Projek yang mendapat sokongan Jabatan Perumahan Negara ini juga bakal dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan," katanya.



Perangkap nyamuk solar merupakan salah satu kaedah yang digunakan KPKT bagi membanteras penularan denggi di PPR.

Statistik Terkini Kes Denggi Seluruh Negara

Negeri	Jumlah Kes
Johor	2,412
Kedah	536
Kelantan	1,430
Melaka	642
Negeri Sembilan	1,542
Pahang	760
Perak	2,988
Perlis	67
Pulau Pinang	839
Sabah	715
Sarawak	522
Selangor	17,788
Terengganu	123
Kuala Lumpur	2,945
Labuan	4
Putrajaya	283
Jumlah	33,596

*Setakat 8 Mei 2017

Sumber: Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan CPKC, Kementerian Kesihatan Malaysia

Senarai Lokaliti Hot Spot (Setakat 6 Mei 2017)

Negeri	Daerah	Lokaliti Wabak	Kes
Selangor	Petaling	Seksyen 7 (Flat B: Blok 13-37)	160
Selangor	Petaling	Seksyen 7 (Flat A: Blok 1-12, Blok 38-43)	111
Selangor	Petaling	Seksyen 7 (Pusat Komersial A)	54
Selangor	Hulu Langat	Jalan 1-8, Taman Desa Mewah	36
Selangor	Petaling	Taman Sungai Besi Indah 2	32
Selangor	Petaling	Taman Saujana Puchong SP 8	31
Kuala Lumpur	Cheras	PPR Desa Tun Razak	21



Azam Bandar
bantu
peserta jana
pendapatan
muka 11



Jalan Jasmine 2
diturap semula
muka 12



6,000 sertai
Larian Bersama
Bomba *muka 14*

APA KATA PENDUDUK?

"Bagi saya, keselesaan itu dapat dirasai sekiranya kita memberi penekanan terhadap elemen kebahagiaan dalam berumah tangga."

MAHANI ABU BAKAR, Penduduk PPR Seri Semarak *muka 10*



Buletin

Bandar



NEGARAKU

8 - 14 MEI 2017 • 11 - 17 SYAABAN 1438



Perangi denggi di PPR

KPKT
pasang
perangkap
nyamuk
solar

"Perangkap nyamuk solar ini telah melalui beberapa proses kajian dan mampu memerangkap nyamuk Aedes dalam satu jarak keluasan tertentu."

TAN SRI NOH OMAR

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

muka 15